

# Raih ribuan ringgit semalaman

Sinar Harian 6/4/2018 m/s 24

Nelayan  
mencandat  
sotong bermula  
awal minggu ini

MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG

**M**usim mencandat sotong sudah pun bermula malah ada nelayan mendakwa dapat mencapai hampir 100 kilogram (kg) sotong setiap malam bermula sejak awal minggu ini.

Jani Abd Rahman, 54, antara nelayan yang menjalankan perniagaan menyewa bot berkata, selain membawa pelanggan, selain membawa pe- langgannya mencandat dia



JANI

turut terlibat dalam aktiviti tersebut.

Menurutnya, tangkapan tertinggi setakat ini ialah 60kg dan dapat dijual pada harga mencecah RM23 setiap kilogram di jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di sini.

"Kalau dua tiga malam ni, makna malam kelmarin bo-



Ada nelayan mendakwa dapat membawa pulang hampir 100kg sotong pada setiap malam.

leh RM1,300, malam kelmarin dahulu pun RM1,300, semalam...kalau kilo, semalam boleh 47kg, malam kelmarin boleh 59kg.

"Semalam pula boleh 60kg. Sekilogram dijual pada harga RM23 pada tauke (peraih). Tahun lepas pada bulan puasa sotong banyak," kata-

nya ditemui *Sinar Harian* di sini, semalam.

Jani berkata, setiap hujung minggu, bot miliknya dan rakan-rakan lain akan

ditempah untuk aktiviti memancing atau mencandat sotong dan dijangka permintaan akan terus meningkat.

Seorang pemancing, Alias Ngah, 46, pula berkata, dia dapat mencandat 40kg sotong dan menjual 30kg kepada pemborong sementara selebihnya dibawa pulang.

Menurutnya, musim mencandat sotong tahunan bermula awal bulan ini dan dijangka sehingga Ogos depan dan keadaan cuaca panas kini tidak akan menjejaskan populasi sotong.

Ini kerana, katanya, berdasarkan pengalamannya sotong akan berada di kawasan air dalam yang lebih dingin pada waktu siang sebelum haiwan itu keluar pada waktu malam secara berkumpulan.